

Usaha galakkan golongan profesional lanjutkan pengajian

UMP tawar program pascasiswazah

Oleh MOHD. SHARIZA ABDULLAH

utusan@utusan.com.my

■ Kuantan 26 Sept.

SEBAGAI usaha menggalakkan golongan profesional yang bekerja di syarikat atau industri melanjutkan pengajian ke peringkat tertinggi, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menawarkan program pengajian dengan sepenuh masa dan separuh masa di industri.

Tawaran berkenaan membolehkan penuntut menjalankan penyelidikan di industri mengikut bidang penyelidikan berkaitan di bawah seliaan penyarah berpengalaman yang secara tidak langsung dapat mewujudkan hubungan kerjasama kedua-dua belah pihak dalam menyediakan platform melahirkan pakar, peluang pekerjaan dan penerokaan pelbagai kajian serta penyelidikan.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, universiti berkenaan memfokuskan terhadap penyelidikan yang bersifat praktikal selain menawarkan program-program kejuruteraan dan teknologi berdaya saing yang dilengkapi dengan



Bagi memenuhi keperluan sumber manusia negara, pembangunan program profesional dalam bidang kejuruteraan dan teknologi juga dijalankan dengan universiti-universiti luar negara termasuk Jerman dan Amerika Syarikat."

DAING NASIR IBRAHIM
Naib Canselor UMP

sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terkini.

"Kami komited terhadap pembangunan modal insan berteraskan teknologi yang dapat mencapai hasrat untuk memenuhi keperluan industri dan pada masa sama menyumbang kepada pembangunan negara.

"Bagi memenuhi keperluan sumber manusia negara, pembangunan program profesional dalam bidang kejuruteraan dan teknologi juga dijalankan dengan universiti-universiti luar negara termasuk Jerman dan Amerika

Syarikat," katanya di sini hari ini.

Dalam pada itu, Dekan Institut Pengajian Siswazah (IPS) UMP, Prof. Datuk Dr. Hasnah Haron berkata, universiti berkenaan kini menawarkan dua program secara penyelidikan iaitu Sarjana Sains dan Doktor Falsafah dengan tujuh program sarjana secara kerja kursus.

Kata beliau, program pascasiswazah di industri memberi peluang kepada pihak industri dan badan-badan korporat untuk melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi.